

BERITA HARIAN

DATE: 28/8 / 2008

Dr M tidak yakin 30 YB lompat parti

Oleh Wan Hazmir Bakar
bhnew@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad tidak yakin Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim, mampu menarik 30 Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) menyertai pembangkang untuk beliau membentuk kerajaan baru dan menjadi Perdana Menteri walaupun sudah memenangi pilihan raya kecil Parlimen Permatang Pauh kelmarin.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau sudah menyatakan secara terbuka kepada Ahli Parlimen BN berkenaan

bahawa mereka hanya akan menjadi 'pekerja' dan mengikut arahan pemimpin pembangkang dan hala tuju parti berkenaan.

"Dia (Anwar) fikir mampu membeli mereka tetapi pemimpin lain ada lebih banyak wang. Mustahil untuk dia dapat mengalahkan pe-

mimpin lain," katanya sinis ketika ditemui di Yayasan Kepemimpinan Perdana di sini, semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas kemungkinan Anwar akan dapat membentuk kerajaan baru menjelang 16 September ini seperti yang diuar-uarkan sejak pakatan pembangkang menafikan majoriti dua pertiga BN di Dewan Rakyat selepas pilihan raya umum Mac lalu.

Anwar sebelum ini beberapa kali mendakwa 30 Ahli Parlimen BN akan menyertai pembangkang bagi membolehkan beliau membentuk kerajaan baru selepas kembali ke Parlimen.

28/8/2008

Diitanya senario politik selepas Anwar kembali ke Dewan Rakyat sebagai Ketua Pembangkang, Dr Mahathir berkata, Anwar akan menyuarakan lagi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Perdana Menteri bukan tandingan Penasihat PKR itu yang petah berbicara.

Beliau berkata, Anwar akan membangkitkan pelbagai isu dan desakan dan Abdullah akan sentiasa terpaksa mengalah.

"Beliau adalah seseorang yang dapat meyakinkan malah iblis pun mampu menu-rut beliau. BN akan menghadapi masa yang sukar," katanya.

FAKTA NOMBOR

30

Ahli Parlimen

Diperlukan pembangkang untuk bentuk kerajaan baru